



Fadzilla (lima, kanan) turut Sertai kayuhan lestari bersama kira-kira 1,500 warga Kuantan.

Kayuhan rapatkan MPK, masyarakat

SINAR HARIAN 19/3/2018

KUANTAN - Kayuhan lestari yang berlangsung semalam merapatkan hubungan antara Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dengan warga Kuantan.

Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Seri Muhammad Safian Ismail berkata, program seumpama ini mampu mendekatkan komuniti setempat, sekali gus dapat menangani masalah dihadapi rakyat dengan agensi terbabit.

"Ini peluang yang boleh diambil untuk mengenali dan bermesra dengan warga Kuantan dalam usaha mendapatkan perkhidmatan terbaik dari agensi ini.

"Saya akui masyarakat mempunyai banyak aduan mengenai tempat mereka kepada agensi ini. Justeru mereka boleh

sama-sama berbincang apabila saling mengenali," katanya ketika ditemui pemberita selepas berakhirnya kayuhan lestari yang diadakan di perkarangan pejabat MPK di sini, semalam.

Seramai 1,500 warga Kuantan termasuk dari beberapa daerah di negeri ini terlibat dalam kayuhan sejauh lima kilometer yang bermula dari perkarangan MPK melalui Jalan Air Putih, Teluk Sisek dan berpatah semula ke garis penamat di perkarangan MPK.

Program tersebut merupakan anjuran MPK.

Turut hadir, Yang Dipertua MPK, Datuk Fadzilla Salleh dan Exco Belia dan Sukan Pahang, Datuk Mohd Johari Hussain.